

Pemupukan Nilai Budaya Bugis dalam kalangan Guru Bugis Membentuk Nilai Murni dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Rintis

ABSTRACT

Guru merupakan agen sosialisasi yang berperanan penting untuk membentuk keperibadian murid selain ibu bapa. Latar belakang dan budaya yang melingkari kehidupan guru menjadi asas kepada guru untuk mendidik murid melalui keperibadian mereka semasa berada di sekolah khususnya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Keperibadian mereka ini penting dalam memupuk karakter yang baik pada anak murid. Kajian ini dilakukan terhadap 186 orang guru etnik Bugis di beberapa buah sekolah di sekitar daerah Tawau dan Sandakan. Guru-guru Bugis dipilih kerana dalam budaya Bugis terdapat amalan budaya yang dikenali sebagai asas nilai yang diaplikasikan termasuklah Assitinajang (kepatutan), Reso (usaha), Siri' Na Pacce/Pesse, Sipurepo' (berat sama dipikul), Assimellereng (nilai kasih sayang) dan Sipakatau (nilai hormat menghormati). Guru-guru yang dipilih melibatkan guru-guru yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan yang dipilih secara rawak dengan menggunakan aplikasi goggle form. Analisis menunjukkan bahawa guru Bugis bersetuju bahawa penerapan budaya Bugis kepada pelajar amat penting dan mereka telah menerapkan budaya dalam menghubungkan nilai murni Bugis dari aspek verbal dan nonverbal. Ia memainkan peranan dalam mengintegrasikan murid tidak terhad semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sahaja tetapi turut meliputi aktiviti di luar bilik darjah. Selain itu, didapati budaya Bugis memiliki signifikan dengan nilai murni yang dilihat sesuai untuk diterapkan kepada murid dari sudut perlakuan.